

# Akta Pemajuan Perumahan dipinda

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 DIS.

**K**EMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Perlesenan) 1966 bagi meluaskan kuasa Tribunal Aduan Pembeli Rumah (Tribunal) yang kini tidak melindungi mangsa penipuan yang tidak mempunyai rumah.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, tribunal yang ada sekarang hanya melindungi pembeli yang sudah mempunyai rumah tetapi tidak kepada yang memberikan deposit untuk membeli rumah baharu seperti mangsa penipuan skim pembinaan mampu milik DBI Properties yang tular baru-baru ini.

Menurutnya, pembeli-pembeli rumah perlu memastikan bahawa pemaju mestilah berdaftar dengan Kementerian supaya boleh diambil tindakan sekiranya sesuatu berlaku.

“Saya juga bercadang untuk



**Saya juga bercadang untuk meminda satu lagi akta untuk mengenakan tindakan kepada media yang mengiklan atau mempromosi pemaju yang tidak berdaftar dengan kementerian.”**

**NOH OMAR**

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

meminda satu lagi akta untuk mengenakan tindakan kepada media, yang mengiklan atau mempromosi pemaju yang tidak berdaftar dengan kementerian.

“Ini adalah bagi memastikan mereka periksa dahulu dengan kita sebelum penyiaran kerana apabila keluar di media, boleh membuatkan pembeli percaya untuk melaburkan sejumlah duit,” katanya dalam sidang

akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan 53 mangsa penipuan projek perumahan DBI Properties di sini hari ini.

Tambah Noh, kementeriannya juga akan menawarkan tiga jalan penyelesaian kepada mangsa-mangsa penipuan projek perumahan DBI Properties termasuk layak memohon Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dengan syarat memiliki tanah sendiri.

Katanya, sekiranya mangsa mempunyai tanah, kementerian boleh membantu untuk membuat rumah SPP bernilai sehingga RM60,000.

“Bagi mangsa-mangsa yang tinggal di bandar dan masih tidak memiliki kediaman serta tanah sendiri, mereka layak memohon Program Perumahan Rakyat (PPR) yang sepatutnya pembeli harus melalui penapisan ketat, tetapi untuk mangsa-mangsa ini kita beri kelonggaran.

“Selain itu, mangsa-mangsa ini akan diberi kelonggaran dalam memohon rumah mampu milik di bawah skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) di kawasan-kawasan tertentu,” katanya.



**NOH OMAR bertemu dengan mangsa-mangsa penipuan Syarikat DBI Properties di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID**